

Isu pampasan keluarga mangsa jenayah: Tribunal khas relevan, perlu bicara berasingan

Oleh [Suzalina Halid](#) - April 17, 2026 @ 11:02am



Kes kematian mangsa angkara jenayah: Tribunal berasingan kurangkan beban hakim, tempoh bicara

KUALA LUMPUR: Cadangan penubuhan tribunal bagi [tuntutan pampasan](#) kepada keluarga mangsa jenayah relevan untuk dilaksanakan, namun memerlukan perbicaraan berasingan untuk pendakwaan kes yang sama.

Pakar Perlembagaan, Profesor Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud, berkata jika direalisasikan, kes jenayah membabitkan kematian perlu dibawa berasingan iaitu di mahkamah bagi sabitan jenayah dan ke tribunal untuk tuntutan pampasan.



Pakar Perlembagaan, Profesor Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod. - Foto NSTP

Katanya, tribunal berasingan boleh mengurangkan beban hakim dan memendekkan tempoh perbicaraan.

"Walaupun mahkamah yang memutuskan kes jenayah boleh membuat keputusan mengenai pampasan, ia akan membebankan hakim dan memanjangkan perbicaraan.

"Jika ada tribunal khas, pengerusi tribunal akan fokus kepada isu pampasan, manakala proses pendakwaan boleh dimantap serta diluaskan," katanya kepada BH di sini, semalam.

Beliau mengulas cadangan seorang pakar kriminologi yang mencadangkan penubuhan tribunal atau badan khas bagi menentukan bentuk pampasan kepada mangsa jenayah yang dilihat lebih konsisten berbanding bergantung sepenuhnya kepada mahkamah jenayah.

Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Dr Haezreena Begum Abdul Hamid, dilaporkan berkata, **cadangan** itu turut merangkumi empat kaedah pelaksanaan, termasuk pembabitan panel campuran.

Nik Ahmad Kamal berkata, mereka yang dilantik dalam tribunal perlu berpengalaman dalam bidang insurans dan penilaian pampasan kecederaan atau kematian.

Beliau berkata, walaupun tribunal khas diwujudkan, pesalah boleh membuat proses rayuan atau semakan ke mahkamah.

"Jika tribunal ini dapat dilaksanakan, ia memberi impak besar kepada keluarga mangsa. Sekiranya pesalah tidak dapat membayar pampasan, ia boleh dibawa ke mahkamah untuk pelaksanaan perintah pampasan," katanya.

Mahkamah miliki kepakaran

Seorang lagi pakar Perlembagaan, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, berpandangan sebaliknya dengan melihat tiada keperluan tribunal khas ditubuhkan kerana mahkamah sudah mempunyai pembahagian kepakaran yang membolehkan keadilan ditegakkan.



Pakar Perlembagaan, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. - Foto NSTP

Katanya, Seksyen 426 Kanun Tatacara Jenayah (CPC) di bawah Akta 593 sudah memperuntukkan kuasa kepada mahkamah memerintahkan pembayaran kos pendakwaan dan pampasan kepada mangsa jenayah.

"Mahkamah sivil mempunyai takat pampasan dan nilai bicara. Tiada halangan kes tuntutan pampasan dibuat di mahkamah sivil.

"Parlimen juga boleh menimbangkan proses tambah baik dalam penentuan pampasan di bawah bidang kuasa mahkamah jenayah.

"Ia bagi memastikan proses itu tidak membebankan waris atau pihak berkepentingan kerana jika dibuat secara berasingan dalam prosiding lain, sudah tentu kos peguam akan menjadi satu kekangan," katanya.

Kerajaan negeri siasat promosi LGBT sempena Aidilfitri di Merlimau

Bernama - Mac 24, 2026 @ 3:06pm



Datuk Rahmad Mariman

MELAKA: Kerajaan negeri akan menjalankan siasatan segera berhubung satu hantaran tular di media sosial yang didakwa mempromosikan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) serta dikaitkan dengan sambutan Aidilfitri di Merlimau, Jasin.

EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman, berkata pihaknya telah menerima maklumat berhubung perkara itu dan semakin lanjut sedang giat dilaksanakan, termasuk mengesahkan lokasi sebenar kejadian.

Beliau berkata hantaran yang dimuat naik melalui platform Threads itu didakwa berlaku di Kampung Batu Gajah, Merlimau, namun kesahihan maklumat berkenaan masih dalam penelitian.

"Siasatan akan dilakukan segera bagi memastikan kesahihan perkara itu termasuk lokasi kejadian sekiranya benar berlaku.

"Kita tidak mahu membuat sebarang kesimpulan awal, sebaliknya memberikan ruang kepada proses siasatan yang teliti dan menyeluruh," katanya ketika dihubungi media, di sini hari ini.

Siasatan turut membabitkan penelitian dari sudut perundangan bagi menentukan sama ada terdapat sebarang pelanggaran undang-undang serta tindakan yang boleh dikenakan terhadap pihak terlibat.

"Apa juga tindakan akan diputuskan berdasarkan hasil siasatan dan peruntukan undang-undang sedia ada," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial sekeping gambar memaparkan seorang individu dipercayai lelaki berperwatakan wanita bergambar bersama seorang lelaki lain, dengan kedua-duanya mengenakan pakaian sedondon berwarna merah jambu.

Hantaran itu disertakan kapsyen "Jodoh Lebaran Dah Tiba. Alhamdulillah" serta meletakkan lokasi di Kampung Batu Gajah, Merlimau.

Perkongsian berkenaan mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan pengguna media sosial, dengan sebahagian daripadanya mengecam tindakan itu, yang didakwa mempromosikan LGBT serta dikaitkan dengan sambutan Aidilfitri. – BERNAMA

Menteri, timbalan perlu elak tohmahan mampu calar 'kemuliaan' mahkamah

Oleh Prof Madya Datuk Muhamad Asri Abdullah - Mac 19, 2026 @ 2:55pm



Foto hiasan

Sebagai orang awam atau rakyat, sudah tentu ingin melihat pihak berkuasa sama ada daripada badan Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman menjalankan tugas masing-masing dengan adil dan saksama tanpa mempengaruhi atau campur tangan melaksanakan tugas masing-masing.

Kemuncak keadilan adalah di mahkamah tapi sebelum itu ia berkait rapat dengan penguakuasaan, pendakwaan, pembicaraan dan perbicaraan serta penguatkuasaan perintah. Oleh sebab itu rangkaian pelaksanaan perundangan dan kehakiman ini berkait rapat, bukan sahaja perlu berlaku adil tapi perlu mengelakkan sesuatu perkara menjadi punca membawa tohmahan atau tanggapan tidak adil.

Konsep keadilan dalam perbicaraan berteraskan prinsip keadilan asasi yang menjamin perbicaraan jujur, tidak berat sebelah dan telus.

Ia merangkumi dua rukun utama iaitu hak untuk didengar (*audi alteram partem*) dan peraturan tidak berat sebelah (*nemo judex in causa sua*), yang mana pemutus kes mesti bebas daripada kepentingan peribadi atau tidak memihak.

Prinsip undang-undang dinyatakan ialah 'keadilan bukan sahaja perlu dilaksanakan, tetapi mesti dilihat dilaksanakan', adalah salah satu prinsip asas dalam sistem keadilan.

Berikut adalah komponen utama konsep keadilan dalam perbicaraan:

- Hak untuk didengar (*Audi Alteram Partem*)

Setiap tertuduh atau pihak terbabit mempunyai hak mutlak untuk dimaklumkan mengenai tuduhan, diberi peluang membela diri dan mengemukakan bukti sebelum keputusan dibuat.

- Peraturan tidak berat sebelah (*Nemo Judex in Causa Sua*)

Hakim atau panel pemutus kes mesti bersikap berkecuali, bebas daripada pengaruh luar dan tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam sesuatu kes untuk mengelakkan berat sebelah.

- Perbicaraan yang adil (*Fair Trial*)

Proses perbicaraan mesti dijalankan mengikut prosedur undang-undang ditetapkan, telus dan tidak menindas salah satu pihak.

- Keadilan semula jadi

Prinsip ini penting untuk memastikan keputusan tidak dibatalkan dan menjamin integriti sistem perundangan.

Pelanggaran terhadap prinsip ini boleh menyebabkan keputusan perbicaraan dianggap tidak sah dan boleh dibatalkan oleh mahkamah yang lebih tinggi.

Menteri dan Timbalan Menteri adalah sebahagian daripada badan Eksekutif terdiri daripada Jemaah Menteri di bawah pimpinan Perdana Menteri.

Mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri untuk merangka, melaksana dan mengurus dasar serta pentadbiran kerajaan.

Menteri atau Timbalan Menteri yang bertanggungjawab dalam bahagian undang-undang bertanggungjawab merangka, menyemak dan membaharui perundangan Persekutuan supaya selaras dengan Perlembagaan.

Mereka juga memimpin reformasi undang-undang, mengurus perjanjian antarabangsa/domestik serta memberi nasihat perundangan kepada Kabinet.

Seorang Majistret dilantik pihak berkuasa negeri untuk Majistret Kelas II atau Yang di-Pertuan Agong atas syor Hakim Besar bagi Majistret Kelas I daripada kalangan pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan.

Manakala Timbalan Pendakwa Raya (TPR) biasanya pegawai undang-undang manakala Pegawai Pendakwa (PP) lazimnya terdiri daripada pegawai polis berpangkat Inspektor ke atas atau pegawai kerajaan diberi kuasa.

Apa yang penting mereka semua adalah penjawat awam atau pegawai kerajaan tertakluk kepada arahan kerajaan. Ini berbeza dengan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan ke atas.

Mereka mempunyai kedudukan mantap tidak boleh diganggu gugat kerana dilantik mengikut Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi menerusi Akta Saraan Hakim 1971.

Pelantikan ini dikawal selia Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) yang juga bertanggungjawab bagi hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Dalam sebuah negara, mahkamah perlu mempunyai kebebasan menjalankan tanggungjawabnya menegakkan keadilan tanpa merasa takut atau dipengaruhi mana-mana pihak.

Hakim perlu bebas menumpukan segala tenaga mereka untuk mencari keadilan, walaupun keputusan dibuat mendatangkan kesan negatif kepada pihak berkuasa.

Atas fakta ini, usaha kerajaan melaksanakan keadilan dan memberikan kebebasan kepada mahkamah serta pegawai mahkamah walaupun di peringkat Mahkamah Rendah atau Majistret perlu dihormati semua pihak.

Bermakna, mereka perlu mengelak perkara menimbulkan tohmah yang boleh membawa tekanan atau tidak selesa kepada pihak melaksanakan keadilan sama ada mengiringi tertuduh oleh pihak Eksekutif yang berkuasa yang bertanggung jawab sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Pentadbiran keadilan ini perlu dibuktikan dan ditunjukkan kepada masyarakat atau orang ramai untuk membina keyakinan mereka.

Kehakiman yang bebas mengikut teori demokrasi adalah dengan mewujudkan badan kehakiman dilantik bebas daripada golongan orang politik yang menjadi anggota Eksekutif dan Perundangan, sekali gus bersikap berkecuali daripada segi politik hal ini bertujuan memberi keadilan dalam setiap proses penghakiman sesuatu kes atau permasalahan yang berlaku.

Oleh itu, mahkamah tidak wajar terseret sama dalam pergelutan politik tetapi sebaliknya semata-mata menguatkuasakan undang-undang yang terhasil daripada 'pergelutan' berkenaan.

Begitu juga masyarakat atau rakyat mesti diberi kepercayaan mereka boleh mendapat keadilan dan kesamarataan hak di hadapan hakim. Segala bibit yang membawa tohmahan dan menghilangkan kepercayaan rakyat perlu dielakkan serta dihindari.

Jika kepercayaan masyarakat atau rakyat terhadap institusi kehakiman hilang, maka masyarakat akan hilang arah dan rakyat akan bertindak sendiri dan menjadi hakim. Ini akan membawa masyarakat dan negara porak peranda, membawa kepada kezaliman dan penganiayaan.

Oleh itu semua pihak perlu menghormati bidang dan hak masing-masing serta sentiasa berhati-hati supaya tidak melampau batas ditentukan.

Penulis ialah Bekas Ketua Hakim Syarie Perak dan Hakim Rayuan Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)



Utama

Terkini

Berita

Suara Sinar

Sinar Islam

Podcast

Khas

Video

Berita Premium

Untuk Anda



Ruang tamu jadi 'kamar mahkamah' demi sahkan lafaz cerai



NORHASPIDA YATIM

Follow

02 April 2026 07:43am

Masa membaca: 2 minit



Ruang tamu sebuah rumah di Kuala Nerus dijadikan 'kamar mahkamah' sementara bagi membolehkan prosiding pengesahan lafaz cerai dilaksanakan pada Selasa lalu. - FOTO: Imej janaan AI di Facebook Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu.

KUALA NERUS – Ruang tamu sebuah rumah di sini berubah wajah menjadi 'kamar mahkamah' sementara bagi membolehkan prosiding pengesahan lafaz cerai dilaksanakan pada Selasa lalu.

Inisiatif Mahkamah Bergerak (Outreach) oleh Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Nerus itu dilaksanakan bagi menyantuni seorang responden yang kini terlantar sakit kronik dan tidak mampu hadir ke bangunan mahkamah.

Prosiding khas itu dikendalikan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Nerus, Ahmad Najib Mohd yang menyaksikan keterangan diambil secara terus di sisi katil responden yang sedang bertarung dengan penyakit.

Unit Korporat Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu (JKSTR) dalam kenyataan pada Rabu berkata, pelaksanaan prosiding di luar bangunan mahkamah itu bertujuan memastikan integriti perbicaraan tetap terpelihara meskipun dijalankan dalam suasana di kediaman pesakit.

Menurut kenyataan itu, pengisytiharan rumah kediaman sebagai kamar mahkamah yang sah adalah selaras dengan peruntukan undang-undang bagi memastikan setiap prosedur memenuhi tuntutan lunas kehakiman.

"Langkah proaktif ini diambil memandangkan responden sedang berhadapan dengan ujian kesihatan kronik akibat penyakit kencing manis dan komplikasi buah pinggang, serta bergantung sepenuhnya kepada bantuan oksigen.

"Kekangan fizikal ini menjadikannya mustahil bagi responden untuk hadir ke bangunan mahkamah, namun keadilan perlu diteruskan," jelas kenyataan tersebut.

Mengulas lanjut, JKSTR menjelaskan bahawa tindakan tersebut bersandarkan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, khususnya Seksyen 129 yang membenarkan perpindahan tempat perbicaraan serta Seksyen 242(1) berkaitan pengambilan keterangan di tempat yang sesuai.

Malah, Seksyen 244 memberikan kuasa sedia ada kepada mahkamah untuk membuat apa-apa perintah bagi mengelakkan ketidakadilan, terutama bagi memastikan status perceraian tidak terus 'tergantung'.

"Komitmen ini adalah sebahagian daripada usaha Mahkamah Syariah untuk memastikan status diri pihak-pihak terlibat dapat diputuskan dengan segera mengikut hukum Syarak.

"Ia sekali gus mencerminkan prinsip 'Ihsan' dan 'Rahmah' dalam sistem perundangan Islam yang mana keadilan tidak hanya bersifat menghukum, tetapi juga menyantuni keperluan rakyat yang dalam kesusahan," katanya.

Prosiding tersebut dilaporkan berjaya diselesaikan secara sempurna di lokasi berkenaan, sekali gus memudahkan urusan masa depan pihak-pihak terlibat dan memelihara kebajikan keluarga dalam mendepani situasi sukar tersebut.